

MENILAI KEMELUT POLITIK TEMPATAN BERDASARKAN MAQASID SYARAK¹

Disediakan oleh:
Muhammad Fauzi Asmuni²

ABSTRAK

Tujuan pembentangan kertas kerja ini adalah untuk menilai kembali kemelut politik di Malaysia terutamanya yang membabitkan parti-parti Melayu Islam. Perubahan lanskap politik tanahair yang disebabkan oleh keputusan PRU 12 dua tahun lepas telah menzahirkan ancaman perubahan status qou negara yang sebenarnya wuduh wujud sejak sekian lama. Kertas kerja akan menyentuh tentang aspek kepentingan fenomena ini ditangani sebaiknya berdasarkan maqasid syarak dan bukan setakat berdasarkan kepentingan individu atau kumpulan tertentu. Antara noktah yang akan disentuh adalah tentang peranan negara Islam. Di dalam noktah ini tumpuan akan diberikan kepada tafsiran ulamak Islam terhadap peranan negara Islam dan syarat pemimpin yang akan mengisi 'wilayah ammah'. Ia juga akan sedikit sebanyak menyentuh mengenai konsep 'negara bangsa' dan beberapa konsep serta istilah yang digunakan oleh beberapa pemimpin politik tanahair. Antara yang akan disentuh juga adalah sistem demokrasi dari sudut persamaan dan perbezaannya dengan sistem syura yang diamalkan oleh pimpinan Islam silam. Kertas kerja akan memfokuskan tentang pandangan ulamak-ulamak Islam mengenai kuasa rakyat yang menjadi teras dalam amalan demokrasi hari ini. Akan disentuh juga pandangan ulamak-ulamak Islam mengenai hubungan antara muslim dan non muslim di dalam amalan politik di sesebuah negara. Akan turut dikupas konsep masyarakat majmuk dalam Islam dengan merujuk kepada sejarah pembentukan Malaysia. Juga yang akan dikupas adalah had-had toleransi antara Islam dan bukan Islam di dalam perebutan kuasa politik. Selain itu di noktah ini juga akan dihuraikan maksud keadilan di dalam amalan politik dalam takrifan ulamak Islam.

¹ Kertas kerja ini dibentangkan dalam Konvensyen Pemikiran Hasan al-Banna Dalam Melakar Bangsa di UNITEN, Putrajaya pada 30 Januari 2010, anjuran Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA)

² Penulis ialah Naib Presiden II, Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA)



PENDAHULUAN

Kemelut politik yang menjadi tumpuan perbincangan merujuk kepada suasana politik selepas Pilihanraya Umum ke 12 pada Mac 2008 yang lepas. Perebutan kuasa politik dan kepimpinan tertinggi negara bukanlah satu yang asing dalam amalan politik masyarakat kita di Malaysia. Kemelut politik yang dimaksudkan tidak merujuk kepada perebutan kuasa politik itu semata-mata, tetapi lebih dari itu ia merujuk kepada kebuntuan kita, masyarakat Islam dalam menentukan pendirian politik berhubung isu mendaulatkan Islam di tanahair kita. Umat Islam seolah-olah kehilangan *ru'yah syamilah* (pandangan menyeluruh) terhadap apa yang ingin dicapai dalam berpolitik menyebabkan mereka tanpa disedari membawa agenda pihak lain yang hanya akan menguntungkan pihak tersebut.

Tidak boleh dinafikan, Malaysia dulunya adalah negara Islam mengikut susur galur sejarahnya. Tetapi hari ini ia tidak ditadbir sepenuhnya berpandukan syariat lalu menjadikan statusnya dipertikaikan. Kewajipan umat Islam adalah untuk menyempurnakan keislaman negara samada melalui saluran politik atau melalui pembaikan dalam bidang-bidang yang pelbagai. Tetapi ramai dari kita yang terperangkap dengan suasana yang ada dan mula merasai seolah-olah matlamat menyempurnakan keislaman negara terlalu jauh atau sudah menjadi satu khayal.

Persaingan dalam merebut kepimpinan tertinggi negara contohnya menyaksikan perubahan sikap dan slogan pada parti-parti politik Melayu Islam tanahair. Jika sebelum ini persaingannya adalah dalam merebut gelaran 'islamik' dengan masing-masing mencanangkan model Islam dan negara Islam mengikut kefahaman masing-masing, tetapi apa yang berlaku selepas PRU 12 adalah masing-masing seolah-olah bersaing menunjukkan sikap keterbukaan terhadap bukan Islam untuk memenangi hati dan undi mereka. Golongan minoriti diperlakukan seolah-olah majoriti yang akan menentukan hidup mati umat Islam. Nasib umat diletakkan di tangan mereka.

Pendekatan ini terbawa-bawa kepada perubahan slogan, bentuk pakatan dengan non muslim dan pendirian-pendirian terhadap beberapa isu semasa. Hari-hari yang mendatang tidak lagi menyaksikan keutuhan agenda Islam, tetapi sebaliknya nampak makin menguatkan agenda bukan Islam. Umat Islam terkeliru dan tidak tahu siapa yang boleh dipercayai.

Jika dibandingkan suasana sebelum ini dengan sekarang, kita dapati berlaku ketidakstabilan politik Melayu Muslim di beberapa negeri, perubahan komposisi Islam dan bukan Islam di Parlimen dan di beberapa DUN serta desakan-desakan bukan Islam terhadap Islam yang makin hari makin kuat. Ini semua adalah kemelut dan merupakan satu goncangan yang bakal merubah status qou negara dan membawanya jauh ke belakang.

Jika sekiranya tidak ada pihak yang tampil untuk mencadangkan sesuatu dan melakarkan kembali amalan politik berdasarkan maqasid syarak, kemungkinan kemelut ini akan membawa kita, umat Islam jauh dari matlamat sebenar yang kita inginkan.

MAQASID SYARAK

Rujukan bagi umat Islam adalah al-Quran dan Sunnah. Rasulullah s.a.w. bersabda:

“Aku tinggalkan bagi kamu dua perkara yang jika kamu berpegang dengan keduanya kamu tidak akan sesat; iaitu kitab Allah dan sunnahku.” (Riwayat Imam Malik)

Di antara keistimewaan kita sebagai umat Islam adalah Allah memandu kita menjalani urusan kehidupan di dunia dengan panduan abadi yang ditinggalkan kepada kita. Kita yakin dengan panduan tersebut dan mengikutinya tanpa sebarang keraguan.

Allah mewajibkan sesuatu dan mengharamkan sesuatu. Apa yang diwajibkan adalah untuk masalah manusia dan apa yang diharamkan juga adalah untuk masalah manusia. Imam Syatibi berkata: *“Taklif syariah bertujuan untuk menjaga masalah syariah pada hamba-hambanya”* (Al-Syatibi, 1991). Inilah apa yang dipanggil *maqasid*.

Amat penting untuk kita memahami dan memulakan apa-apa juga projek politik berlandaskan maqasid syarak.

Maqasid bermaksud tujuan atau objektif yang diperhatikan terhadap penyariatannya semua hukum hakam atau kebanyakannya. Ia juga bermaksud matlamat dari syariah dan rahsia yang diletakkan oleh Allah terhadap setiap hukum hakamnya. Maqasid syariah bertujuan untuk menjaga sistem dunia dan mengawal tingkah laku manusia dalam bentuk yang akan memeliharanya dari terjatuh ke dalam mafsadah (kebinasaan). Ini dengan cara mendatangkan masalah (kebaikan) dan menjauhkan mafsadah (Wahbah Zuhaili, 1986).

Maqasid diukur berdasarkan nas dan bukannya akal. Akal manusia tidak mampu untuk menyingkap maqasid tanpa panduan nas. Imam Syatibi pernah mengingatkan kesilapan golongan yang mengukur masalah aktiviti dunia dengan menggunakan akal dengan cara mengukur keperluan, berdasarkan pengalaman, mengikut hukum kebiasaan dan dengan berpandukan sangkaan semata-mata tanpa merujuk kepada nas. Beliau berkata:

“Ada pun apa yang mereka katakan bahawa masalah akhirat tidak akan diketahui melainkan dengan syarak, maka benarlah kata-kata mereka itu. Ada pun apa yang mereka katakan berkenaan masalah dunia (bahawa ia boleh diukur dengan akal), maka tidaklah benar apa yang mereka katakan. Ketika datang syariat selepas zaman terputusnya Rasul, jelas kelihatan bahawa golongan yang hidup di zaman terputusnya Rasul berada dalam keadaan terpesong dari kehidupan yang lurus dan mereka terkeluar dari bertindak benar di dalam hukum hakam” (Al-Syatibi, 1991).

Akal semata-mata tidak mampu mengukur di mana masalah dan di mana mafsadah. Muhammad Abu Zahroh berkata:



“Sesungguhnya masalah Islamiah yang dicapai melalui hukum hakam Islam dan diithbatkan dengan nas-nas agama itulah masalah yang hakiki. Ia bertujuan untuk menjaga lima perkara asasi; agama, nyawa, harta, akal dan keturunan” (Muhammad Abu Zahroh, 1958).

Ahli politik Melayu Muslim di Malaysia kadang-kadang berhujah membenarkan tindakan-tindakan mereka dengan menggunakan kaedah masalah tanpa merujuk kepada nas. Alangkah lemah dan dhaifnya pendekatan politik seumpama ini. Buat keputusan dulu, kemudian baru cari masalah. Kemudian bila jumpa masalah, tidak jumpa pula nas. Lalu adakah untuk meneruskan tindakan mereka, mereka akan kata pula ‘masalah lebih utama dari nas’?

Sememangnya di dalam syariah ada sesuatu yang dinamakan masolih mursalah. Ia bermaksud masalah yang tidak dinaskan oleh syarak (secara jelas) samada ianya muktabar (diiktiraf) atau mulghah (tidak diiktiraf) tetapi ia mendatangkan manfaat dan menolak mudharat (Abdullah Khatib, 1990).

Bolehkah masalah seumpama ini diamalkan? Sebelum menjawabnya, suka saya tegaskan bukan ulamak tidak perlu dimasukkan di dalam perbincangan ini kerana mereka bukan ahlinya di dalam mengukur maqasid mengikut neraca syarak. Bagi golongan yang berilmu, kita mengambil pandangan Syeikh Abdullah Khatib yang mengatakan bahawa beramal dengan masolih mursalah dibenarkan tetapi dengan tiga syarat yang ketat:

1. Masalah itu adalah masalah yang hakiki dan bukan yang diandaikan sahaja
2. Masalah itu adalah umum untuk orang-orang Islam dan bukan masalah peribadi
3. Masalah itu tidak bertentangan dengan nas yang thabit atau ijma’ (Abdullah Khatib, 1990)

Maqasid syariat adalah untuk menjaga lima perkara asasi bagi kehidupan manusia iaitu agama, nyawa, harta, akal dan keturunan. Maqasid syariat akan memastikan masalah tercapai dan mafsadah tertolak pada kelima-lima perkara tersebut. Ukuran masalah dan mafsadah pula adalah berdasarkan kepada nas.

Ini semua sepatutnya menjadi landasan politik kita.

KENAPA PERLU NEGARA DALAM MATLAMAT PERJUANGAN ISLAM?

Matlamat dakwah adalah untuk mewujudkan *hayah Islamiah* (kehidupan Islam) di atas muka bumi. Semua manusia akan tunduk di bawah sistem Islam dengan kebebasan diberikan kepada semua manusia untuk memilih agama yang akan mereka anuti. Allah berfirman:

“Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar, dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.” (Al-Hajj: 41)

“Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah, dan (sehingga) menjadilah agama itu semata-mata kerana Allah, kemudian jika mereka berhenti maka tidaklah ada permusuhan lagi melainkan terhadap orang-orang yang zalim.” (Al-Baqarah: 193)

Walau pun negara itu sendiri bukanlah matlamat terakhir dari perjuangan Islam, tetapi ia adalah wasilah yang penting untuk sampai kepada matlamat. Inilah apa yang menjadi pegangan Imam Hassan al-Banna sebagaimana yang diulas oleh Ibrahim Bayumi Ghanim dalam kata-katanya:

“Dengan itu dapatlah disimpulkan dari kefahaman al-Banna bahawa negara adalah wasilah atau alat, bukan matlamat itu sendiri. Tetapi ia adalah wasilah yang perlu dan alat yang tidak boleh diketepikan untuk merealisasikan di atas dunia ini idealisme Islam secara umum dan politik Islam secara khusus” (Ibrahim Bayumi Ghanim, 1992).

Dengan merujuk kepada kitab *Imamah wa Siasah*, Ibnu Qutaibah, *Ahkam Sultaniah*, Mawardi, *Iqtisad fil I'tiqad*, Ghazali, *Turuq Hukmiah*, Ibnu Qayyim dan kitab-kitab lain, Ibrahim Bayumi merumuskan lagi:

“Ulamak kalam, faqih dan ahli falsafah dalam perselisihan mereka di banyak perkara, bersepakat bahawa negara Islam tidak wajib didirikan kerana negara itu sendiri tetapi menjadi wajib didirikan kerana sebab yang lain. Dengan itu ia adalah alat dan wasilah dan bukannya matlamat” (Ibrahim Bayumi Ghanim, 1992)

Di sini dengan jelas dapat dilihat kedudukan negara Islam pada maqasid syarak. Negara Islam adalah merupakan sultoh tanfiziah (kuasa pelaksana) yang besar untuk menjaga segala objektif syariat. Tanpanya banyak maqasid syariat yang akan terbengkalai. Bahkan maqasid paling tinggi dalam syariat iaitu untuk menjaga agama dan akidah Islam itu sendiri pun akan terabai.

Imam Hasan al-Banna merumuskan beberapa objektif syarak yang perlu dicapai melalui negara Islam sebagai satu badan dan sistem:

1. Menghapuskan permusuhan dan mempertahankan nyawa, keluarga harta, negara dan agama
2. Menjamin kebebasan beragama dan beriktikad bagi orang-orang beriman sehingga tidak berjaya ditarik oleh orang bukan Islam agar keluar dari Islam
3. Menjaga dakwah sehingga dakwah sampai kepada semua manusia lalu mereka mampu membuat pilihan dengan jelas
4. Menghukum non muslim yang melanggar perjanjian keamanan mereka dengan negara Islam atau orang-orang Islam yang bughah, memberontak melawan ketetapan Allah serta menolak usaha pembaikan dan hukuman adil
5. Membantu orang-orang beriman yang dizalimi di mana sahaja mereka berada dan menyelamatkan mereka dari orang-orang yang zalim (Hasan al-Banna, 1948)

Imam Juwaini berkata: “Imamah bermaksud kepimpinan umum dan menyeluruh, mengurus kepentingan awam dan khas di dalam urusan agama dan dunia, terkandung di dalam



tugasnya menjaga kedaulatan, menjaga rakyat, menjalankan dakwah dengan hujah dan pedang, menjaga dari penyelewengan dan kezaliman, menyelamatkan orang yang dizalimi dari kezaliman orang yang melakukan kezaliman, menuntut hak dari yang enggan menunaikannya dan memulangkannya kepada yang berhak (al-Juwaini, 1979).”

Dengan itu penubuhan negara tersebut mesti menjurus ke arah mempertahankan dan memelihara ketuanan Islam dan kedudukan umat Islam di tempat yang tertinggi. Justeru ia bukan sekadar isu perebutan jawatan tertinggi atau merebut kuasa di Parlimen sahaja. Sibuk berebut, akhirnya ketuanan Islam terkorban. Struktur negara yang ada tetap tidak mampu untuk mempertahankannya. Di masa yang sama juga, usaha untuk menubuhkan negara dengan semangat dan konsep baru pula tidak begitu jelas menampakkan kemampuan untuk mendaulatkan ketuanan Islam.

NEGARA BANGSA DALAM KONTEKS MALAYSIA

Malaysia, dulunya Tanah Melayu adalah bumi Melayu dengan Islam sebagai landasannya. Melayu menjadi tonggak kepada negara untuk beberapa kurun dan berterusan sehingga ke hari ini walau pun Tanah Melayu menerima proses imigrasi dari kaum-kaum lain. Walau pun nisbah dan komposisi kaum berubah, tetapi Melayu tetap menjadi kaum tonggak.

Timbul kemudian istilah negara bangsa. Istilah ini muncul di dunia Islam beberapa ketika sebelum gugurnya Khilafah Osmaniah di Turki pada tahun 1924. Jika sebelumnya umat Islam hanya mengenali model negara Islam yang terlihat pada susuk tubuh Khilafah Islamiah, tetapi selepas itu perbincangan berlaku di kalangan umat Islam berkenaan isu pertentangan intima’ kepada negara; adakah intima’ umat Islam adalah kepada institusi Khilafah atau kepada sempadan negara yang mereka duduki sahaja, atau dengan kata lain samada kepada umat Islam atau kepada bumi yang mereka pijak (Ibrahim Bayumi Ghanim, 1992).

Fahaman sekular Barat mengilhamkan kepada umat Islam istilah kebangsaan dan negara bangsa. Dalam negara bangsa, intima’ seseorang adalah pada negara yang dilingkungi oleh sempadan geografi watan yang sempit (Ibrahim Bayumi Ghanim, 1992). Pada ketika itu tiada lagi intima’ kepada kaum asal atau intima’ kepada agama. Sempadan geografi yang sempit itu membentuk satu bangsa baru yang menghilangkan segala perbezaan kaum dan agama. Konsep ini digunapakai di banyak negara Barat terutamanya negara-negara yang menerima penghijrahan dari pelbagai negara.

Konsep ini akan menjadi popular terutamanya di negara yang dijajah atau di negara yang mempunyai penduduk dari pelbagai latar belakang agama dan kaum. Malaysia mempunyai kedua-dua unsur tersebut. Dengan itu kita melihat laungan-laungan yang menyerupainya kedengaran di negara kita sejak dahulu sehingga ke hari ini.



Konsep negara bangsa dan laungan semangat kebangsaan dengan tujuan membebaskan diri dari penjajahan adalah suatu yang positif dan terpuji. Al-Banna menyifatkannya sebagai: *“Satu juzuk dari ajaran Islam”* (Hasan al-Banna, 1992).

Beliau juga menyifatkan jemaah Ikhwan Muslimin sebagai satu jemaah yang cintakan watan:

“Ikhwan Muslimin adalah manusia yang cukup tinggi semangat kebangsaannya (wataniah). Mereka menginginkan kebaikan untuk negara dan berjihad untuk membebaskannya dari penjajahan lalu meninggikan kedudukan negara” (Hasan al-Banna, 1992)

Penjajahan boleh berlaku dalam pelbagai bentuk. Penjajahan politik, penjajahan ekonomi, penjajahan budaya, penjajahan emosi dan sebagainya. Alangkah baiknya jika yang dimaksudkan dengan negara bangsa itu adalah usaha meninggikan kedaulatan negara dan mendapatkan kemampuan untuk tidak bergantung kepada pihak luar. Jika ini maksudnya, ia akan menyempurnakan sebahagian dari objektif yang ingin Islam capai.

Tetapi intima' seseorang terhadap negara tidak cukup hanya kepada sempadan tanah yang sempit itu, sebaliknya ia mesti disempurnakan dengan wala' kepada Islam. *Wala' aqaidi* inilah yang membezakan di antara konsep yang dilaungkan oleh fahaman sekular Barat dan konsep yang diperjuangkan oleh Islam.

Saya berpandangan bahawa seruan-seruan yang popular pada hari ini boleh dilihat sebagai usaha mencari titik persamaan antara semua kaum dan agama di Malaysia untuk satu kehidupan yang harmoni. Malaysia sebagai negara pelbagai kaum dan etnik dengan anutan agama yang pelbagai memang sepatutnya mencari satu titik persamaan antara semua pihak yang duduk menetap di dalamnya.

Kepentingan bersama yang perlu ada adalah setiap warganegara, dalam satu titik persamaan, adalah mereka perlu setia kepada negara dan membebaskannya dari sebarang bentuk penjajahan luar. Ini amat dialu-alukan oleh Islam. Model negara Islam sejak dari zaman Madinah sehingga ke zaman Khulafa' dan kerajaan Islam beraja, kita dapati bahawa tanggungjawab untuk setia kepada negara terpikul di atas bahu semua orang tanpa mengira agama.

Tetapi jika yang dimaksudkan dengan seruan-seruan itu adalah peleburan identiti muslim sehingga tiada lagi intima' seorang muslim di Malaysia kepada Islam maka itu adalah suatu yang bertentangan dengan maqasid syarak di dalam menjaga akidah Islam. Intima' seorang muslim kepada negara, pertamanya adalah berasaskan intima' kepada Islam. Sempadan negara dan kewarganegaraan; segala-galanya berasas dari itu.

Begitu juga jika seruan itu bermatlamatkan di akhirnya peleburan identiti Islam pada negara (seperti yang diiktiraf oleh perlembagaan dan sejarah), ia juga suatu yang ditolak oleh Islam. Tanah Melayu adalah negara Islam terkuat di rantau Asia Tenggara satu ketika dahulu. Identiti itu tidak akan mampu untuk dibuang oleh sesiapa pun juga.



Apa yang diperjuangkan oleh orang bukan Islam dari slogan negara bangsa ini adalah kesamarataan dari segala aspek. Mereka namakan dengan nama yang pelbagai dan memasarkannya dengan gaya yang meyakinkan. Orang Melayu, sebahagiannya menyambutnya tanpa sedar.

Jika dibandingkan di antara dua konsep; Malaysia sebagai negara Islam Melayu dan bangsa lain duduk di bawah naungan Melayu Muslim dengan negara bangsa yang semua kaum dan agama sama dari segala sudut, sudah tentulah yang pertama itu lebih menepati maqasid syarak.

Maqasid syarak mengkehendaki Islam duduk di atas dan bukan di bawah atau sama dengan agama lain. Maqasid mengkehendaki siyadah Islam (ketuanan Islam) tidak digugat oleh mana-mana kumpulan. Konsep negara bangsa yang dicanangkan akan menghancurkan siyadah Islam. Dengan itu konsep Malaysia sebagai negara Islam Melayu lebih memenuhi tuntutan maqasid tersebut. Itu yang kita perlu fahami dan perjuangkan.

'WILAYAH AMMAH'

Seorang Khalifah, atau Sultan, atau pemimpin tertinggi satu-satu negara mempunyai hak di dalam Islam yang disebut wilayah ammah. Wilayah bermaksud hak melaksanakan pandangan ke atas orang lain samada orang itu redha atau tidak. Wilayah ammah pula bermaksud hak ke atas sekumpulan manusia ramai yang tidak khusus kepada kumpulan tertentu sahaja (Prof Dr Muhammad Rawwas Qal'alji dan Dr Hamid Sadiq Qunaibi, 1985)

Malaysia dalam satu tradisi politiknya, hanya menerima Melayu Muslim sebagai Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Ini bertepatan dengan maqasid syarak yang mengkehendaki seorang muslim memegang *wilayah ammah*. Dr Mahmud al-Mardawi menyebut:

“Di antara syarat yang diletakkan oleh para ulamak bagi seorang pemimpin, dia hendaklah seorang muslim. Walau pun sebahagian dari fuqaha’ tidak menyebut syarat ini, mereka tidak menyebutnya tidak lain hanyalah kerana ia adalah syarat yang terlalu asas. Khilafah adalah sistem Islam, bagi umat Islam di negara Islam” (Profesor Dr Mahmud al-Mardawi, 1987)

Manakala Dr Muhammad Abdul Qadir Abu Faris pula berkata:

“Akad yang disempurnakan di antara Khalifah dan umat Islam mewajibkan Khalifah untuk melaksanakan syariat Islam ke atas dirinya dan ke atas rakyat, menjaga masalah umat, memelihara maruah umat, menyebarkan Islam dan lain-lain kewajipan lagi. Kesemua ini tidak mampu dilakukan oleh orang bukan Islam dan mereka juga tidak mempunyai mekanisme untuk melaksanakannya. Mereka tidak mempunyai alat untuk itu dan tidak layak untuk melaksanakannya” (Dr Muhammad Abdul Qadir, 1989)



Dalam dunia politik, sekali sekala kedengaran cadangan untuk diubah tradisi ini. Kadang-kadang ia datang dari orang bukan Islam dan kadang-kadang ia datang dari orang Islam. Mungkin disebabkan kejahilan atau mungkin juga disebabkan mengambil hati orang bukan Islam.

Beberapa faktor dilihat sebagai pendorong kepada cadangan itu. Di antara yang utamanya adalah kelemahan pimpinan Melayu Islam yang sedia ada. Di antaranya lagi adalah kelemahan umat Melayu Islam itu dalam mempertahankan hak mereka sebagai penduduk majoriti di Malaysia.

Melayu sering dilabel sebagai lemah dalam mentadbir dan mengurus. Jika diberikan amanah, mereka pecah amanah dan jika diberikan tanggungjawab mereka tidak laksanakan. Saya mencabar, cuba buang amalan kronisme dan nepotisme dan buat pemilihan untuk kepimpinan di semua peringkat secara terbuka, kita akan dapati ramai calon baik yang boleh diharapkan dari bangsa Melayu. Tetapi apabila pemilihan berdasarkan 'pilih bulu', maka apakah natijah yang akan diharapkan?

Walau pun begitu, kelemahan pimpinan yang ada tidak mengharuskan sama sekali dinaikkan pimpinan orang bukan Muslim memegang *wilayah ammah* dalam negara. Keadilan orang bukan Islam tidak sama dengan nilai adil yang dikehendaki oleh syarak. Iraq di bawah Amerika tidaklah lebih baik dari Iraq di bawah Saddam Husein.

Allah berfirman yang bermaksud:

"...dan Allah tidak sekali-kali akan memberi jalan kepada orang-orang kafir untuk membinasakan orang-orang yang beriman." (An-Nisa: 141)

Berhubung ayat di atas, al-Nabhani berkata:

"Pemerintahan adalah cara paling kuat untuk pemerintah membinasakan orang yang di bawah pemerintahannya. Apabila Allah mengungkapkan ayat itu dengan perkataan 'lan' yang memberi erti selama-lamanya, ia turut memberi makna larangan yang pasti daripada melantik seorang kafir ke apa-apa juga jawatan pemerintahan samada khilafah atau selainnya" (Profesor Dr Mahmud al-Mardawi, 1987)

Manakala faktor kelemahan umat Melayu Islam di Malaysia di dalam mempertahankan haknya, jika itu memang sifat semulajadinya, maka alangkah malangnya umat kita apabila mereka lupa bahawa dulunya mereka adalah penguasa agong di satu daerah kuasa yang besar.

Tetapi jika disebabkan masing-masing termakan diayah kelompok bukan Islam dan berasa taajub dengan keikhlasan mereka terhadap negara, lalu terpecah-pecah sehingga hilang keyakinan diri dan kagum kepada yang orang lain, maka di sini lebih-lebih lagi kita perlu bertegas bahawa *wilayah ammah* mesti dipegang oleh orang Islam.

Apabila kelompok bukan Islam berjaya memecahkan kesatuan umat Islam yang merupakan majoriti, itu menunjukkan kepada tabiat kelompok bukan Islam tersebut. Kelompok seumpama itu tidak akan sesekali membela masalah umat Islam apabila mereka memegang *wilayah*



ammah kerana di kala mereka tidak mempunyai kuasa pun mereka cuba tanpa segan silu menjatuhkan umat Islam. Apa jaminan jika kelompok yang begini tabiatnya akan membela masalah umat Islam apabila mereka memegang tampok kuasa?

Ini agaknya yang menjadi kehairanan Dr Mahmud al-Mardawi apabila beliau mengulas mengenai fenomena naiknya golongan minoriti bukan Islam ke puncak kekuasaan:

“Golongan minoriti pada hakikatnya adalah minoriti. Bagaimana boleh digambarkan bahawa golongan minoriti boleh sampai ke puncak kekuasaan mengalahkan golongan majoriti Islam dalam sistem demokrasi. Ini tidak berlaku kecuali jika mereka telah berusaha memecah belahkan golongan majoriti Islam menjadi berpuak-puak yang saling bermusuhan, lalu dengan itu naiklah golongan minoriti” (Dr Mahmud al-Mardawi, 1987)

Selain dari Jawatan Perdana Menteri dan Timbalannya, suara Islam di dalam Parlimen juga penting untuk dijaga agar sebarang keputusan yang dibuat tidak akan bertentangan dengan maqasid syarak. Dengan itu demi menjaga maqasid syarak, Parlimen perlu sentiasa dalam setiap penggal dipenuhi dengan majoriti Muslim. Suara Islam mesti bersatu dalam memutuskan sesuatu cadangan agar tidak menghancurkan maqasid syarak. Di antara yang asas perlu dipertahankan adalah seperti kedudukan istimewa Melayu, kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan dan kedudukan Yang Dipertuan Agong. Jangan sesekali berlaku suara Islam berbelah bagi sehingga memberi ruang kepada bukan Islam untuk memaksakan pendapat dan cadangannya kepada negara.

DEMOKRASI DAN ISLAM

Sebagai seorang ahli organisasi Islam yang cintakan keamanan dan kedamaian, sudah tentunya saya amat mengalu-alukan sistem demokrasi diamalkan di negara kita ini. Demokrasi memberi ruang kepada sesiapa sahaja untuk menyuarakan pandangan dan menyalurkan kritikan pada tempatnya yang betul. Demokrasi juga menjamin peralihan dan penggiliran kuasa agar ianya berlaku dalam keadaan aman.

Syura adalah satu kaedah permuafakatan yang cukup besar dalam Islam. Tetapi walau pun ia begitu penting, kita dapati bahawa al-Quran hanya menyebut perkataan syura di dalam dua potong ayat sahaja. Allah berfirman yang bermaksud:

“Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhannya serta mendirikan sembahyang dengan sempurna; dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka; dan mereka pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepadanya.” (Al-Syura: 38)

Firman Allah lagi yang bermaksud:

“...oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu....” (Aali-Imran: 159)

Perincian syura yang diterangkan oleh sunnah Rasulullah s.a.w. dan amalan Khulafa Rasyidin juga masih lagi bersifat umum. Ini semua menjadikan syura sebagai satu mekanisma yang cukup anjal lalu memberi ruang kepada sistem pemerintahan Islam untuk berkembang bersesuaian dengan perubahan struktur masyarakat dan keluasan empayarnya.

Dengan itu kita mendapati di antara sistem syura dan sistem demokrasi terdapat persamaan yang jika dikaji akan membantu ahli politik Islam untuk menggubal sistem terbaik bagi sistem pemerintahan Islam di masa akan datang. Di antara titik persamaan tersebut adalah pada penolakan budaya diktator, pemutusan sesuatu isu secara bersama oleh anggota masyarakat yang berkelayakan, tidak menghadkan kepada satu pandangan dari satu sumber dan penggiliran kuasa secara aman.

Walau pun begitu demokrasi Barat yang asli, yang berasal dari fahaman *humanisme*, haruslah ditangani oleh umat Islam dengan cara yang baik. Kehendak-kehendak manusia menurut Islam perlu diikat dengan batas-batas syarak. Ruang besar yang diberikan oleh demokrasi Barat kepada kehendak manusia, akhirnya wajib dibatasi dengan syariat. Kehendak-kehendak manusia (kuasa rakyat) tidak boleh merampas kuasa Allah di dalam menentukan perlembagaan dan undang-undang, apatah lagi dalam membatalkan maqasid syarak di dalam meletakkan *as-Siyadah liLlah* (ketuanan adalah milik mutlak Allah).

Dr. Taufiq Waie berkata:

“Sesungguhnya Islam tidak mengambil kira pandangan majoriti ketika wujudnya hukum di dalam al-Quran dan Sunnah. Ini berbeza dengan sistem demokrasi Barat yang memberikan pandangan majoriti hak mutlak di dalam menentukan undang-undang tertinggi. Undang-undang sedia ada akan digubal jika bertentangan dengan pandangan majoriti” (Dr Taufiq Waie, 2001).

Firman Allah di dalam al-Quran yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Uliil-Amri (orang-orang Yang berkuasa) dari kalangan kamu, kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat, yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.” (al-Nisa’: 59)

Di sudut yang lain, umat Islam mungkin memandang demokrasi sebagai jelmaan kebebasan dan syura, tetapi Barat selama-lamanya akan memandang demokrasi sebagai sistem untuk memaksakan kehendak mereka ke atas semua manusia di dunia. Ternyata di negara yang



amalan demokrasi di sana tidak menyebelahi polisi dan kepentingan Barat, mereka tidak akan menghormati pilihan rakyat. Lihat sahaja apa yang dilakukan oleh Amerika kepada Gaza hasil pilihan rakyat Palestin melalui sistem demokrasi.

Amalan demokrasi yang dicampuri oleh falsafah dan pandangan Barat tidak akan menguntungkan umat Islam. Demokrasi seumpama ini tidak pernah sama sekali mengiktiraf siyadah Islam (ketuanan Islam) yang merupakan maqasid syarak. Apabila Amerika memberikan demokrasi kepada Iraq selepas era Saddam, Iraq kehilangan siyadah Islam. Itu jugalah yang akan berlaku di mana-mana pun tempat di dunia apabila Barat mencampuri amalan demokrasi di satu-satu negara.

Dengan itu amat penting bagi kita umat Islam untuk menarik nafas panjang, menyiapkan diri dan berusaha untuk memutuskan demokrasi negara ini dari falsafah dan campur tangan Barat. Kita perlu khususkan demokrasi di Malaysia ke arah memenuhi masalah Islam yang bersifat tempatan mengikut nilai-nilai dan neraca setempat. Inilah format yang akan memenuhi tuntutan maqasid syarak.

ISU-ISU HUBUNGAN ANTARA ISLAM DAN BUKAN ISLAM

Dewasa ini, topik berkenaan hubungan antara Islam dan bukan Islam sering kali diutarakan di pelbagai peringkat. Pemerhatian umum saya, umat Islam terheret untuk membincangkan isu ini dalam skop yang dikehendaki oleh orang bukan Islam. Menjadi keuntungan pada mereka apabila perbincangan disempitkan kepada isu-isu keadilan dan hak yang patut diberikan oleh orang Islam kepada orang bukan Islam. Sempitnya skop yang dibincangkan dengan serangan bertubi-tubi, menjadikan orang Islam dalam keadaan serba salah sehingga tenggelam punca, tidak tahu bagaimana untuk memberikan reaksi dan sikap. Orang Islam dilabel sebagai tidak adil, tidak bertoleransi dan tidak terbuka. Oleh kerana tidak tahu di mana bermula dan ke mana hendak dibawa, sebahagian orang Islam berlumba untuk membuktikan bahawa mereka adil, toleransi dan terbuka.

Jika kita berjiwa besar dan menghargai sejarah dan perjuangan nenek moyang kita dahulu, kita akan sentiasa berasa bahawa kita tuan di bumi ini. Hubungan antara muslim dan non muslim mesti berasaskan hubungan antara muslim dan zimmi dalam negara Islam. Bentuk hubungan seumpama ini adalah maqasid syarak yang perlu dipelihara kerana sepanjang sejarah tidak pernah berlaku negara Islam menukar bentuk hubungan ini kepada bentuk lain kerana jika ditukar, pelbagai mafsadah (kerusakan) akan berlaku. Akan berlaku haimanah (penguasaan) non muslim ke atas muslim. Akan berlaku pengkhianatan. Akan berlaku kebocoran rahsia. Akan berlaku penafian hak seorang muslim di buminya sendiri.

Toleransi Dan Kehidupan Harmoni



Umat Islam disogok dengan slogan kehidupan harmoni antara kaum dan agama. Mereka dibayangkan bahawa sikap umat Islam yang tidak meraikan beberapa kehendak mereka sebagai warganegara menjadi penghalang kepada lahirnya kehidupan yang harmoni.

Apakah syarat yang akan menjadikan orang Islam dan orang bukan Islam boleh hidup aman dan harmoni di Malaysia? Adakah dengan memenuhi segala kehendak mereka, akhirnya negara akan harmoni? Di dalam Islam, kita meyakini bahawa keharmonian hanya akan datang setelah falsafah hidup dan sistem yang betul mendasari kehidupan bermasyarakat. Umat Islam perlu yakin dengan sistem Islam dan mampu mengemukakannya kepada bukan Islam dalam bentuk yang betul.

Jika tuntutan-tuntutan bukan Islam yang akhirnya membentuk sistem itu menjadi syarat keharmonian, kenapa negara-negara yang majoritinya bukan Islam tetap tidak harmoni walau pun segala kehendak dan tuntutan mereka dipenuhi? Tidak lain kerana tuntutan-tuntutan itu membentuk sistem hidup yang tidak betul dan pincang. Nampak adil di satu sudut tapi zalim di sudut yang lain jika diperhalusi dengan pandangan yang tajam.

Dengan itu kita perhatikan ulamak silam menyimpulkan bahawa kehidupan yang betul hanya dicapai melalui sistem Islam. Allah berfirman yang bermaksud:

“Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (Wahai Muhammad) sehingga Engkau menurut ugama mereka (yang telah terpesong itu). Katakanlah (kepada mereka): “Sesungguhnya petunjuk Allah (ugama Islam itulah petunjuk Yang benar”. dan Demi Sesungguhnya jika Engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka sesudah datangnya (wahyu Yang memberi) pengetahuan kepadamu (tentang kebenaran), maka tiadalah Engkau akan peroleh dari Allah (sesuatupun) Yang dapat mengawal dan memberi pertolongan kepada mu.” (Al-Baqarah: 120)

Abu Ja’far menafsirkan ayat ini dengan berkata:

“Ayat ini bermaksud; wahai Muhammad, orang Yahudi dan Nasrani tidak akan puas hati denganmu selama-lamanya. Jauhkan diri dari meminta sesuatu yang akan menjadikan mereka redha dan menepati kehendak mereka. Mintalah redha Allah dengan menyeru mereka kepada kebenaran yang Allah utuskan kamu dengannya. Sesungguhnya kebenaran yang kamu seru mereka itulah jalan untuk kamu berhimpun dengan mereka di dalam kemesraan dan agama yang lurus. Tiada jalan bagimu untuk mendapat kepuasan hati mereka dengan cara mengikut jejak agama mereka” (Al-Tobari)

Kita wajib berpegang dengan kaedah ini; masalah akan tercapai apabila manusia tunduk di bawah sistem Islam. Kehidupan harmoni dan kestabilan yang merupakan salah satu bentuk masalah yang diperjuangkan akan tercapai dalam sistem Islam.

Wala’ dan bara’

Umat Islam selalu diajak agar menerima dan berkawan dengan semua kaum dan agama atas asas kita sama-sama warganegara Malaysia. Pelbagai usaha dilakukan agar proses normalisasi ini berjaya dilakukan. Dari iklan-iklan di kaca television sehinggalah kepada penggubalan dasar-dasar negara.

Islam tidak menghalang untuk umatnya berbuat baik dengan orang bukan Islam. Ia tidak menjadi masalah sehinggalah sebahagian dari orang Islam terlalu lunak hati dengan orang-orang kafir sehingga membawa kepada memusuhi bangsa sendiri. Ini satu lagi kekeliruan yang berlaku dalam umat Islam di Malaysia.

Hukum *wala'* dan *bara'* yang pernah diketengahkan oleh ulamak silam sepatutnya sentiasa dirujuk sebagai panduan di dalam kehidupan kita di dalam masyarakat majmuk.

Wala' bermaksud memberi pertolongan, mencintai, mengasihi, menghormati dan bersama dengan golongan yang dicintai itu zahir dan batin.

Bara' pula bermaksud menjauhi, berlepas diri dan memusuhi sesudah memberi alasan dan peringatan (Muhammad bin Said bin Salim al-Qahtani, 1409H)

Wala' tetap diberikan kepada muslim walau pun dia bermaksiat. Manakala *bara'* tetap akan diberikan kepada bukan Islam walau pun dia baik. *Wala'* dan *bara'* adalah kaedah yang digariskan oleh syariat untuk menjadi maqasid syariat dalam hubungan antara muslim dan non muslim. Allah berfirman yang maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! sesiapa di antara kamu berpaling tadah dari agamanya (jadi murtad), maka Allah akan mendatangkan suatu kaum yang ia kasihkan mereka dan mereka juga kasihkan dia; mereka pula bersifat lemah-lembut terhadap orang-orang yang beriman dan berlaku tegas gagah terhadap orang-orang kafir” (Al-Maidah: 54)

Dari Jabir bin Abdilllah al-Bajli bahawa Rasulullah s.a.w. membai'ahnya agar “memberi nasihat kepada semua muslim dan berlepas diri (bara') dari semua kafir.” (Riwayat Imam Ahmad)

Apabila neraca ini tidak ada pada umat Islam, ia akan menjadi sekurang-kurangnya seperti kisah seorang sahabat Rasulullah s.a.w. yang diturunkan peringatan oleh Allah di dalam firmannya:

“Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu mengambil musuhKu dan musuh kamu menjadi teman rapat, dengan cara kamu sampaikan kepada mereka (berita-berita rahsia orang-orang mukmin) dengan sebab hubungan baik dan kasih mesra yang ada di antara kamu dengan mereka, sedang mereka telah kufur ingkar terhadap kebenaran (Islam) yang sampai kepada kamu; mereka pula telah mengeluarkan Rasulullah (s.a.w) dan juga mengeluarkan kamu (dari tanah suci Makkah) disebabkan kamu beriman kepada Allah, Tuhan kamu. (janganlah kamu berbuat demikian) jika betul kamu keluar untuk berjihad pada jalanKu dan untuk mencari keredaanKu. (tidak ada sebarang faedahnya) kamu mengadakan hubungan kasih mesra dengan mereka secara rahsia, sedang Aku amat mengetahui akan apa yang kamu rahsiakan dan apa yang kamu zahirkan. dan (ingatlah), sesiapa di antara kamu yang melakukan perkara yang



demikian, maka sesungguhnya telah sesatlah ia dari jalan yang betul. Jika mereka dapat menguasai kamu, nescaya mereka menjadi musuh yang membahayakan kamu, dan mereka akan membebaskan tangan mereka dan lidah mereka terhadap kamu dengan kejahatan, serta mereka suka kalaulah kamu juga menjadi kafir (seperti mereka).” (Al-Mumtahanah: 1-2)

Ibnu Kathir mengatakan bahawa ayat ini turun kepada Hatib bin Abi Baltaah, salah seorang sahabat Rasulullah s.a.w. dalam cubaannya untuk mengkhabarkan berita pembukaan Mekah kepada ahli keluarganya yang bukan Islam di Mekah dengan tujuan agar mereka terselamat (Ibnu Kathir, 1991)

Kekeliruan umat Melayu Islam Malaysia di dalam menilai siapa kawan dan lawan, mungkin lebih dari kekeliruan Hatib r.a. Perebutan kuasa boleh menjadikan neraca kita terbalik di dalam memilih teman dan musuh. Janganlah hanya dengan satu dua pujian yang diberikan oleh orang bukan Islam, lalu kita sanggup untuk menikam bangsa kita sendiri.

Orang bukan Islam dalam sistem negara Islam dikategorikan sebagai zimmi atau harbi. Zimmi bermaksud orang bukan Islam yang memberikan perjanjian agar terpelihara nyawa, harta, kehormatan dan agamanya dengan cara membayar jizyah dan tunduk di bawah sistem Islam. Manakala harbi bermaksud orang bukan Islam yang tidak melakukan perjanjian damai, tidak mendapat keamanan dan perjanjian orang-orang Islam serta melancarkan serangan ke atas orang-orang Islam. Zimmi akan duduk di bawah perlindungan negara Islam manakala harbi akan diperangi (Dr Abdul Halim Mahmud, 1998).

Kesukaran untuk kita mengkatogerikan orang-orang bukan Islam di Malaysia tidak menghalang dari kita bersikap hati-hati dalam berkawan, berpakat dengan orang bukan Islam dan meminta pertolongan daripada mereka. Sebahagian daripada mereka adalah kumpulan yang mempunyai agenda yang amat berlawanan dengan agenda Islam. Mereka ternyata boleh melompat dan menukar status dari duduk di sebelah pemerintah kepada duduk di sebelah pembangkang.

Peristiwa 13 Mei, siri-siri tuntutan mereka dan kenyataan-kenyataan mereka; tidakkah ini semua sudah mencukupi untuk dijadikan sebagai tanda pengenalan diri mereka?

Firman Allah yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu mengambil orang-orang yang bukan dari kalangan kamu menjadi ‘orang dalam’ (yang dipercayai). mereka tidak akan berhenti-henti berusaha mendatangkan bencana kepada kamu. mereka sukakan apa yang menyusahkan kamu. telahpun nyata (tanda) kebencian mereka pada pertuturan mulutnya, dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka lebih besar lagi. Sesungguhnya telah Kami jelaskan kepada kamu keterangan-keterangan itu jika kamu (mahu) memahaminya. Awaslah! kamu ini adalah orang-orang (yang melanggar larangan), kamu sahajalah yang suka (dan percayakan mereka, sedang mereka tidak suka kepada kamu. kamu juga beriman kepada segala Kitab Allah (sedang mereka tidak beriman kepada Al-Quran). dan apabila mereka bertemu dengan kamu mereka berkata: “Kami beriman”, tetapi apabila mereka berkumpul sesama sendiri, mereka menggigit



hujung jari kerana geram marah (kepada kamu), Katakanlah (Wahai Muhammad): "Matilah kamu dengan kemarahan kamu itu". Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui akan segala (isi hati) yang ada di dalam dada. Kalau kamu beroleh kebaikan (kemakmuran dan kemenangan, maka yang demikian) menyakitkan hati mereka; dan jika kamu ditimpa bencana, mereka bergembira dengannya. dan kalau kamu sabar dan bertaqwa, (maka) tipu daya mereka tidak akan membahayakan kamu sedikitpun. Sesungguhnya Allah meliputi pengetahuannya akan apa yang mereka lakukan." (Ali Imran: 118-120)

Tahaluf muslim dengan non muslim tidak boleh membawa kepada wala' kepada non muslim. Tahaluf muslim dengan non muslim bermaksud orang Islam meminta bantuan dari orang bukan Islam dengan syarat orang Islam juga memberi bantuan kepada orang bukan Islam (Muhammad Ahmad al-Rasyid, 2007).

Ia dibincangkan dengan panjang lebar oleh ulamak. Walau pun begitu dua syarat yang dikenakan oleh Imam Syaibani adalah merupakan syarat asasi untuk pergi lebih jauh di dalam membincangkan isu tahaluf. Dua syarat itu adalah:

1. Orang-orang bukan Islam itu dipercayai tidak akan khianat
2. Orang-orang bukan Islam itu berada di pihak yang lemah dan kumpulan Islam berada di kedudukan yang kuat (Muhammad Ahmad al-Rasyid, 2007)

Tahaluf juga tidak boleh membawa kepada bocor rahsia orang Islam. Tidak boleh membantu bukan Islam untuk menjatuhkan orang Islam. Amalan tradisi di zaman empayar Islam menyaksikan mereka tidak meminta bantuan tentera musyrikin untuk memerangi bughah (pemberontak dari kalangan muslimin).

Kebencian terhadap maksiat orang Islam pula tidak boleh membawa kepada bara'. Masih perlu menyayangi mereka. Menegur kemungkaran perlu dengan tegas kerana tiada kompromi terhadap kemungkaran. Tetapi ia tidak membawa kepada putus hubungan, apatah lagi berpakat dengan bukan Islam untuk menggugat ketuanan Islam.

Di dalam semua ini terkandung maqasid yang cukup tinggi; iaitu meletakkan Islam dan orang Islam sentiasa berada di atas mengatasi segala-galanya.

KESIMPULAN

Tidak ada jalan bagi umat Melayu Islam di Malaysia selain dari kembali kepada penegakan sistem berdasarkan syariah.

Kita bukan berebut kuasa semata-mata kerana kuasa, tetapi kita perlukan kuasa untuk mencapai objektif yang dikehendaki oleh syarak. Tersilap pertimbangan, kuasa itu sendiri boleh menjadi penghalang daripada tercapainya maqasid syarak.



Justeru dengan rendah diri saya menyeru semua umat Islam umumnya dan seluruh umat Melayu khasnya untuk sama-sama kita mengoreksi semula langkah-langkah yang telah kita lalui dan melakar bersama-sama peta baru bagi perjalanan ke depan mengikut pertimbangan maqasid. Musuh Islam akan mengambil manfaat dari hari ke hari jika kemelut politik Melayu Islam ini tidak disudahkan. Kita perlukan keinsafan dan kita juga perlukan ketegasan untuk mengatur langkah ke depan.

Wallahu a'lam

BIBLIOGRAFI

1. Ibnu Kathir. 1991. Tafsir al-Quran al-Azim. Damsyik: Darul Khair.
2. Al-Tobari. _____. Tafsir al-Tobari. Kaherah: al-Maktabah al-Syamilah.
3. Abbas, Muhammad Yusuf. 1987. *Miftah al-Kunuz fi Zilal al-Quran*. Riyadh: Dar Tiyybah lil-Nasyr wa al-Tauzi'.
4. _____. *Jawami' al-Kalim, al-Isdar al-Thalith*. Kaherah: Ufuq lil-Barmajiat (CD).
5. Qal'alji, Prof Dr Muhammad Rawwas dan Qunaibi, Dr Hamid Sadiq. 1985. *Mu'jam Lughah al-Fuqaha'*. Beirut: Dar al-Nafais.
6. al-Kayali, Dr Abdul Wahab. _____. *Mausuah al-Siasah*. Beirut: Al-Muasassah al-Arabiah lil-Dirasat wa al-Nasyr.
7. al-Syatibi, Abu Ishak. 1991. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
8. Abu Zahrah, Imam Muhammad. 1958. *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Fikri al-Arabi.
9. al-Zuhaili, Dr Wahbah. 1986. *Usul al-Fiqh al-Islami*. Damsyik: Dar al-Fikr.
10. _____. 1992. *Majmu'ah Rasail li al-Imam al-Syahid Hasan al-Banna*. Kaherah: Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islamiah.
11. al-Khatib, Muhammad Abdullah dan Hamid, Muhammad Abdul Halim. 1990. *Nazarat fi Risalah al-Taalim*. Kaherah: Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islamiah.
12. Mahmud, Dr Ali Abdul Halim. 1998. *Ruknu al-Tajarrud*. Kaherah: Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islamiah.
13. al-Juwaini, Abu al-Maali. 1979. *Ghiyath al-Umam fi Iltiyath al-Zulam*. Iskandariah: Dar al-Dakwah.
14. al-Rasyid, Muhammad Ahmad. 2007. *Usul al-Ifta wa al-Ijtihad al-Tatbiqi fi Nazariah Fiqh Dakwah Islamiah*. Vancouver: Dar Mihrab lil-Nasyr wa al-Tauzi'.
15. al-Qahtani, Muhammad bin Said bin Salim. 1409H. *Al-Wala' wa al-Bara' Fil Islam Min Mafahim Aqidah al-Salaf*. _____. Dar al-Sofwah
16. Waie, Prof Dr Taufiq Yusuf. 2001. *Al-Fikru al-Siasi al-Muasir Inda al-Ikhwana al-Muslimin – Dirasah Tahliiah Maidaniah Muwathaqqah*. Kuwait: Maktabah al-Manar al-Islamiah.
17. Jarisyah, Dr Ali. 1990. *Al-Ittijahat al-Fikriah al-Muasirah*. Kaherah: Dar al-Wafa'.
18. Abu Faris, Dr Muhammad Abdul Qadir. 1989. *Al-Nizam al-Siasi fi al-Islam*. Amman: Dar al-Furqan.
19. Ghanim, Ibrahim al-Bayumi. 1992. *Al-Fikru al-Siasi lil Imam Hasan al-Banna*. Kaherah: Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islamiah.
20. Lailah, Muhammad Kamil. 1971. *Al-Nuzum al-Siasiah – Al-Daulah wa al-Hukumah*. _____. Dar al-Fikri al-Arabi.
21. al-Mardawi, Profesor Dr Mahmud. 1987. *Al-Khilafah baina tanzir wa tatbiq*. _____. _____